

MANUAL EEPA

Panduan Menggunakan EEPA

(Economic Empowerment Programme Assessment)

Penilaian Program Memperkasa Ekonomi



MANUAL EEPA

Panduan Menggunakan EEPA

(Economic Empowerment Programme Assessment)

Penilaian Program Memperkasa Ekonomi

**MANUAL EEPA - Panduan Menggunakan EEPA
(Economic Empowerment Programme Assessment)
Penilaian Program Memperkasa Ekonomi**

©Malaysian Information Network on Disabilities dan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), 2015

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiar terbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun, termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan pemilik hakcipta.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN

Diterbitkan oleh

Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI)
No. 6, Cangkat Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail,
Wilayah Persekutuan, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia
Phone:+603-7724 2651/52/53

Rekabentuk dan Cetakan Oleh
GIGAWISE NETWORK SDN. BHD. (640661-P)
No. 74, Jalan Kapar 27/89, Megah Industrial Park,
Seksyen 27, 40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5191 1115 Faks : 03-5191 1004
Website : www.gigaprint2u.com

Prakata

Orang kurang upaya lazimnya menghadapi kesukaran mendapat pekerjaan yang menguntungkan. Mereka merupakan golongan yang mendapat gaji paling rendah, sehingga ada yang mendapat gaji kurang dari RM100 sebulan.

Kerajaan Malaysia telah menetapkan gaji minima RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Malaysia Timur. Bagi melayakkan OKU mendapat sekurang-kurangnya gaji minima, mereka mestilah mempunyai kecekapan dan kemahiran yang sesuai.

EEPA ialah satu penilaian berasaskan bukti (evidence-based assessment) untuk mengukur tahap kecekapan OKU dalam usaha meningkatkan keupayaan mereka bekerja. Ia juga boleh dijadikan rujukan bagi pusat latihan, Kementerian (Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Sumber Manusia) dan pihak majikan yang berminat.

OKU sendiri boleh menggunakan hasil EEPA sebagai bukti kecekapan mereka (sebagai ‘kelayakan’) untuk masuk ke dunia pekerjaan.

Apabila OKU berjaya mendapat pekerjaan yang menguntungkan, mereka mampu berdikari dari segi ekonomi dan bebas dari pergantungan kepada keluarga, masyarakat dan Kerajaan. Pada masa yang sama, mereka boleh berusaha untuk mendapat kualiti hidup yang lebih baik dan menyumbang kepada keluarga dan komuniti.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Prakata	3
Objektif	5
Latar Belakang	5
Mengenai EEPA	6
Glosori	14
Projek BAKTI-MIND	16
Bacaan	20
Rujukan	28
Penghargaan	29
Jawatankuasa Projek BAKTI-MIND	32

OBJEKTIF

EEPA untuk majikan: satu standard kompetensi berasaskan bukti bagi membantu majikan menilai kesediaan OKU untuk bekerja, potensi pekerja OKU dan prestasi mereka di tempat kerja.

EEPA untuk OKU: satu sistem penilaian yang boleh membuktikan kompeten OKU (sebagai ganti kepada kelayakan Vokasional).

LATAR BELAKANG

Sebab EEPA diwujudkan

Tahap kegagalan OKU dalam temuduga dan seterusnya sewaktu bekerja adalah tinggi. Selain daripada itu ketidakupayaan mereka untuk bertahan dalam pekerjaan menyebabkan tahap pengangguran yang tinggi di kalangan OKU. Pihak majikan teragak-agak untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Walaupun mereka berjaya dalam temuduga, namun pihak majikan sering menghadapi kesukaran menangani dan menerima unsur ‘tidak cekap’ dan ‘ketidakupayaan’ OKU apabila berhadapan dengan tuntutan dan keperluan pekerjaan yang agak mencabar. Atas kesedaran inilah EEPA telah diwujudkan dengan hasrat agar penilaian ini boleh dimanfaatkan bersama oleh pihak majikan dan golongan OKU.

Pembangunan EEPA

EEPA telah dibangunkan berasaskan kajian, penyelidikan dan amalan pelbagai pihak cerdik pandai dalam kalangan akademik dan pengamal Pendidikan Khas, di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Kemudian EEPA telah dikembangkan hasil dari penelitian beberapa penilaian formal dan spara formal yang digunakan oleh pusat latihan kerajaan dan bukan kerajaan. Input untuk pembangunan EEPA ini telah didapati dari kakitangan dan para profesional 137 buah

organisasi kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan pusat dalam komuniti, melalui satu siri bengkel dan cubaan serta kajian di seluruh Malaysia.

Rujukan

Manual ini hendaklah difahami sepenuhnya sebelum menggunakan EEPA. Ia hendaklah juga digunakan sebagai bahan rujukan utama setiap kali membuat penilaian.

MENGENAI EEPA

Pengenalan

Manual ini mengandungi arahan bagaimana menggunakan borang EEPA iaitu satu instrumen menilai kesediaan dan kecenderungan orang kurang upaya (OKU) untuk bekerja, dan sikap mereka terhadap kerja.

Siapa Boleh Guna

1. Penilai yang telah dilantik oleh pihak berkuasa sama ada Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan atau individu-individu yang ingin mengetahui trend prestasi OKU di bawah jagaan dan penyeliaan mereka.
2. Mereka yang bertanggungjawab memberi latihan kepada OKU di pusat latihan dan menempatkan mereka di alam pekerjaan.

Untuk Siapa

EEPA hendaklah diisi dan digunakan untuk OKU yang berumur 12 tahun ke atas dan didapati lembap. Mereka tidak mempunyai potensi mencapai kejayaan dalam akademik atau profesyen teknikal dan

mungkin memerlukan sistem komunikasi alternatif dan kemahiran untuk memasuki alam pekerjaan.

Mengapa

Untuk penilaian: apabila diisi secara berjadual dan berkala, dapatkan bagi setiap item akan membolehkan tenaga pengajar dan/atau penyelia menjadi lebih peka terhadap aspirasi, kehendak, kebolehan dan keupayaan orang yang dinilai.

Untuk latihan: EEPA juga sesuai digunakan sebagai asas untuk penghasilan modul latihan.

Bila

Satu jadual penilaian disediakan untuk setiap OKU di bawah penyeliaan dan jagaan. Tarikh, hari, dan masa perlu ditetapkan secara berkala untuk menilai setiap tugas yang diberi selepas pengajaran dan pembelajaran serta latihan.

Di mana

Satu tempat atau ruang yang telah dikenalpasti di mana OKU itu berada, di pusat PDK/kawasan kerja/ruang kerja. Di mana terdapat perubahan tempat, ia hendaklah dibuat catatan supaya salah satu punca akibat perubahan diperolehi.

Bagaimana

1. Permulaan

- 1.1. Penilaian kesemua seksyen mesti dibuat dalam tempoh pemerhatian dijalankan (sekali atau seberapa kali yang diperlukan).

- 1.2. Apabila EEPA dibuat sepenuhnya, Seksyen 1 hendaklah disiapkan dahulu sebelum membuat Seksyen 2. Begitu juga, Seksyen 3 hanya boleh dibuat selepas siap Seksyen 2.
 - 1.3. Jangan buat pindaan jika ada dapatan berlainan bagi Seksyen yang kemudian. Buat catitan dan gunakan dalam penilaian seterusnya.
 - 1.4. Tidak semua item perlu dibuat catatan jika mendapat penilaian tahap 0-3 tidak berkenaan. Hanya perlu buat nota “tidak berkenaan”.
2. EEPA mengandungi tiga Seksyen:-
- 2.1. **Seksyen 1: Keutamaan Pilihan Pekerjaan**
Mengenalpasti apa yang disukai dan yang dipilih oleh OKU.
 - 2.2. **Seksyen 2: Keupayaan untuk Bekerja**
Mengenalpasti kekuatan fizikal, kekuatan mental dan/atau kemahiran OKU.
 - 2.3. **Seksyen 3: Kebolehan Bekerja**
Mengenalpasti kemahiran menghasilkan sesuatu dan keupayaan membuat pelbagai tugas sambil mengambil kira sifat dan sikap OKU.
3. Bagi setiap seorang yang dinilai, penilai hendaklah mengisi ketiga-tiga seksyen mengikut item yang bersesuaian dengan keupayaan dan tahap kemajuan OKU. Semua borang didahului dengan profil OKU yang dikenalpasti untuk dinilai hendaklah:-
- 3.1. Berdaftar dengan organisasi penilai.
 - 3.2. Berumur 12 tahun ke atas.

- 3.3. Tidak bersekolah, sudah berhenti sekolah atau masih bersekolah tetapi di kelas pendidikan khas.
 - 3.4. Berada di pusat organisasi penilai, tidak kurang dari 2 hari seminggu.
 - 3.5. Mendapat kebenaran ibubapa atau penjaga untuk melakukan aktiviti yang boleh menjana pendapatan.
-
4. Ruang Profil OKU hendaklah diisi sepenuhnya sebelum memulakan setiap seksyen.

Maklumat profil boleh diperolehi melalui :-

- 4.1. Fail dari JKM;
- 4.2. Temuduga dengan OKU sendiri;
- 4.3. Temuduga dengan penjaga, guru, kawan sekerja, jurulatih dan/atau penyelia;
- 4.4. Pemerhatian dan gerak badan jika OKU mempunyai masalah berkomunikasi;
- 4.5. Lawatan ke rumah untuk merekod bagaimana OKU mengurus kehidupan hariannya di rumah sendiri;
- 4.6. Temuduga dengan ahli keluarga, jiran jika perlu atau saudara terdekat, khusus untuk melihat bagaimana OKU berinteraksi dengan mereka secara individu dan dalam kumpulan;
- 4.7. Pemerhatian sejauh mana OKU boleh mengurus diri sendiri;
- 4.8. Ujian untuk mengetahui keupayaan OKU dari segi kemampuan setiap bahagian badannya, dan kecerdasan minda.

5. Selepas profil OKU diisi dengan lengkap, penilai boleh mengisi Tahap (0-3) yang sesuai bagi setiap item dalam Seksyen 1 di dalam ruang Nota pada tarikh penilaian yang berkenaan.

6. Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk menentukan *Tahap* bagi setiap Item:-

6.1. Maklumat latar belakang pelatih atau profil pelatih.

6.2. Temuduga dengan pelatih, guru/jurulatih, ibubapa, penjaga, keluarga, jiran dan jika perlu, rakan baik, secara perbualan dan pertanyaan sama ada secara langsung, atau sebaliknya. Maklumat dikumpul dan dibanding dengan dapatan dari setiap orang yang ditemuduga, untuk mendapat kesahihan.

Nota : *Tahap* merujuk kepada nombor bagi setiap kriteria 0, 1, 2, dan 3. Ia hanya sebagai rujukan kepada kriteria yang dipilih dan tidak mempunyai apa-apa nilai.

6.3. Senarai Semak

Senarai semak adalah perkara yang disusun berasaskan keperluan sesuatu tujuan.

Contoh :

Untuk membuat *passport* antarabangsa senarai semak keperluan ialah :-

- kad pengenalan,
- surat beranak asal,
- gambar berukuran *passport*,
- wang untuk yuran pemprosesan,
- borang yang lengkap diisi dan ditandatangani, dan
- jika dibawah umur 18 tahun, perlu pengesahan kebenaran ibubapa.

Senarai semak berbeza mengikut objektif dan keperluan.

6.4. Penilaian Kertas Dan Pensil

Penilaian sebegini boleh digunakan hanya jika hasil ujian tersebut telah sedia ada. Ia bersifat terlalu akademik dan kerap tidak meliputi keupayaan dan kemahiran yang berasaskan kreativiti, emosi, kerja tangan dan pelbagai bentuk hasil seni.

6.5. Sampel Kerja

Sampel kerja memerlukan tugasan dibuat mengikut contoh atau templet dan hasilnya dibandingkan dengan bentuk asal contoh atau templet yang disediakan; misalnya menyusun barang jenis yang sama. OKU diberi templet atau contoh untuk dihasilkan dan, jika perlu, diajar dan dibimbing untuk membuat tugas itu.

Percubaan dibenarkan untuk dibuat berulang kali, misalnya 5 kali, untuk mendapat hasilnya. Setiap kali ia dihasilkan, ia perlu dinilai sama ada memenuhi kehendak atau tidak. Jika masih tidak memberi hasil yang dikehendaki selepas 5 kali cubaan, OKU diberi waktu rehat atau alihkan perhatian kepada perkara yang berbeza.

Selepas kembali, OKU diberi peluang sehingga 5 kali lagi sebelum diberi tahap sewajarnya. Dapatkan yang melampau perlu dicatat, misalnya cubaan pertama terus berjaya dengan baik, atau hingga sepuluh kali.

6.6. Penilaian dalam pelbagai situasi

Perlu dibuat untuk mengetahui minat dan keupayaan OKU atau sama ada kerja itu sesuai untuknya. Kaedah ini membolehkan penilaian dibuat dalam keadaan simulasi di kawasan OKU atau pun di persekitaran sebenar. Penilaian juga boleh dilakukan di pelbagai tempat yang mempunyai

suhu berbeza atau fasiliti yang berlainan agar penilai dapat mengenalpasti pilihan, keupayaan dan kebolehan OKU dan sama ada kerja itu bersesuaian dengannya atau tidak.

- 6.7. Cubaan beberapa jenis tugas yang dianggap sesuai boleh diadakan untuk mendapat input mengenai minat, keupayaan, kemahiran, sikap atau kecenderungan OKU. Dapatan yang diperolehi perlu direkod dan dianalisa sebelum boleh dijadikan maklumat tentang OKU itu.
7. Apabila selesai penilaian Seksyen 1, OKU dinilai mengikut kenyataan dalam Seksyen 2. Seksyen ini mengukur keupayaan OKU. Semua kaedah yang disebut sebelum ini boleh digunakan untuk memantau keupayaan pelatih menyiapkan tugas.
8. Seksyen 3 hanya boleh diisi selepas Seksyen 2 selesai diisi. Seksyen ini juga boleh digunakan untuk memantau prestasi atau perkembangan kemahiran OKU di tempat kerja.
9. Penilaian adalah satu proses yang dijalankan secara berterusan dan berulang-ulang. Borang EEPA menyediakan ruang untuk 10 kali penilaian. Penilaian yang berikutnya boleh terus dikendalikan pada bila-bila masa yang ditetapkan walau pun penilaian formal Seksyen 2 dan 3 sudah di mulakan dan lengkap.

Kesimpulan

Apabila ada lebih banyak peluang untuk memantau perkembangan kemahiran, penilai boleh membuat catitan dan rekod yang lebih tepat mengenai perubahan dalam pilihan, keupayaan dan kebolehan OKU dalam kertas tambahan.

Nota

Mencari Pilihan Pekerjaan Yang Sesuai Bagi OKU

1. Terdapat pelbagai jenis pekerjaan yang sesuai untuk setiap orang yang ingin bekerja dan mendapat upah hasil pekerjaannya.
2. Ia bergantung kepada minat, kelayakan, kecenderungan, kebolehan dan pengetahuan mengenai kerja tersebut.
3. Yang penting ialah kesedaran mengenai hakikat sebenar peluang pekerjaan di pasaran.

Ketiga-tiga fakta di atas perlu diambil kira untuk mendapat kelestarian pekerjaan bagi OKU.

EEPA Sebagai Asas Untuk Latihan

EEPA sesuai digunakan oleh jurulatih untuk melatih OKU agar mereka bersedia untuk masuk ke dunia pekerjaan. Jurulatih boleh menggunakan item dalam EEPA sebagai asas untuk membangunkan kurikulum dan modul latihan di pusat latihan. Sekiranya jurulatih dapat memberi fokus, keutamaan serta penekanan kepada latihan kemahiran “soft skills”, OKU mampu bertahan dalam pekerjaan mereka dan mencapai kejayaan dalam dunia pekerjaan.

GLOSARI

AAC

Augmentative and alternative communication.

Alat

Sesuatu yang digunakan untuk melaksanakan satu tugas yang tepat dan khusus. Contohnya untuk mengukur atau menghasilkan bunyi-bunyian seperti alat penimbang dan alat muzik.

Bimbingan

Petunjuk cara melakukan sesuatu.

Gesaan (Menggesa)

Perkataan atau riak yang memujuk, memberi galakan atau peringatan kepada seseorang agar ia melakukan sesuatu tetapi dibuat bertalut-talu untuk mendapat tindakbalas yang dikehendaki.

Jarang

Kekerapan ini berlaku antara 10% - 30% tempoh masa penilaian.

JKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kadang-kala/Adakala/Kadang-kadang

Kekerapan ini berlaku antara 40% - 60% dalam tempoh penilaian.

Kelengkapan

Sesuatu yang digunakan untuk tujuan tertentu yang biasanya berukuran besar dan memerlukan kuasa elektrik, gas atau mekanikal, untuk berfungsi.

Kelestarian Pekerjaan

Keupayaan pekerja bertahan dalam sesuatu pekerjaan.

Ketangkasan

Kemahiran melakukan sesuatu menggunakan tangan dan jari.

Motor Halus

Pergerakan yang kompleks terutamanya dengan tangan dan jari yang memerlukan darjah koordinasi yang tinggi seperti memegang pensel dan mengenakan butang baju.

Motor Kasar

Kemahiran yang dikaitkan dengan penggunaan otot-otot yang besar seperti lengan dan kaki, untuk membolehkan seseorang itu berjalan, duduk tegak, mengangkat barang dan membaling bola. Kemahiran motor kasar seseorang bergantung kepada ketegangan dan kekuatan ototnya.

Perkakasan

Sesuatu yang digunakan untuk melaksanakan tugasan untuk tujuan tertentu tetapi masih boleh digunakan untuk tugasan lain seperti sudu yang boleh digunakan untuk menuap, mencedok atau mengais.

Selalu/Sering/Kerap

Kekerapan ini berlaku antara 70% - 80% dalam tempoh penilaian.

Sentiasa

Kekerapan ini berlaku antara 90% - 100% dalam tempoh penilaian.

Serta-merta

Tanpa berlengah-lengah.

Standard Kompetensi

Tahap hasil dari rangkuman pengetahuan, kemahiran dan sikap.

PROJEK BAKTI-MIND

Malaysian Information Network on Disabilities (MIND) ditubuhkan pada bulan Oktober 2004 di bawah naungan Lembaga Pentadbir Bangunan BAKTI Siti Hasmah (LPBBSH) yang dipengerusikan YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Hj. Mohd Ali. Selari dengan objektif ketiga BAKTI iaitu “Untuk Menganjurkan Program Kebajikan”, MIND ditubuhkan untuk menyediakan maklumat yang diperlukan oleh orang kurang upaya (OKU) supaya mereka dapat hidup seperti warga Malaysia yang lain ketika negara kita sedang menuju ke arah pembentukan sebuah negara maju.

Rangkaian maklumat yang merangkumi pelbagai topik membolehkan OKU di Malaysia dan keluarga mereka meningkatkan kualiti hidup dengan mengakses maklumat berkaitan penjagaan kesihatan, pemulihan, pendidikan, pekerjaan, peralatan serta teknologi penyesuaian, pengangkutan, persekitaran bebas halangan, bantuan yang disediakan oleh badan kerajaan dan badan bukan kerajaan serta menyokong dan mengambil bahagian dalam perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Bermula dengan hanya web portal, projek ini telah berkembang menjadi satu platform advokasi untuk melibatkan OKU dalam semua aspek pembangunan masyarakat, sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Setelah satu dekad, melalui penganjuran 23 MIND Education Series, 16 MIND End-User Workshop, 15 Human Capital Building untuk sukarelawan, 11 Access Survey Audit, 6 Persidangan BAKTI-MIND dan 2 kajian, Projek BAKTI-MIND telah memberi sumbangan yang signifikan dalam mengetengahkan isu-isu berkaitan, kearah peningkatan kualiti OKU di Malaysia.

BAKTI telah melantik Dato' Dr. Zaliha Omar sebagai Ketua Projek BAKTI-MIND. Beliau merupakan seorang Pakar Perubatan Pemulihan dengan pengalaman selama lebih 30 tahun. Sehingga kini, projek ini dikendalikan sepenuhnya oleh sukarelawan bersama seorang eksekutif pentadbiran.

Objektif

- Mudah didapati – untuk menggalakkan penggunaan komputer di kalangan OKU sebagai cara berhubung dalam komuniti Malaysia mahupun di luar Negara.
- Mudah dilawati – untuk memudahkan usaha mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, pemulihan, pendidikan, vokasional dan sosial yang berkaitan dengan keperluan OKU dan keluarga mereka.
- Kesedaran – untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang kewujudan OKU dalam kalangan mereka, yang juga berhak menjalani kehidupan normal melalui ICT.
- Penerimaan – untuk mengubah tanggapan dan sikap masyarakat terhadap OKU. Mereka seharusnya diterima sebagai anggota masyarakat yang berguna jika diberi peluang, terutamanya dalam bidang ICT.
- Kecukupan untuk mengenal pasti laman web antarabangsa yang relevan dan bersesuaian untuk OKU dan membentuknya menjadi lebih ‘glokal’ bagi meningkatkan taraf hidup warga Malaysia kurang upaya serta keluarga mereka.

Aktiviti

Aktiviti teras Projek BAKTI-MIND adalah pengumpulan dan penyebaran maklumat yang bersesuaian dengan keperluan OKU yang dapat memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup OKU. Selain itu, aktiviti tetap yang lain termasuk yang berikut:

1. MIND Education Series

Bengkel latihan yang dijalankan untuk sukarelawan, OKU, penjaga, guru pendidikan khas dan staf badan bukan kerajaan merangkumi pelbagai topik berkaitan isu OKU dan pemulihan mereka dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

2. Persidangan BAKTI-MIND

Persidangan BAKTI-MIND diadakan setiap dua tahun. Tema persidangan dipilih berdasarkan isu semasa yang mampu memberi impak kepada kualiti hidup OKU seperti ‘ICT for PWD’, ‘Augmentative and Alternative Communication (AAC)’, Health Information Management’, ‘Transportation’, ‘Education-Vocation Interface’ dan ‘Community Based Rehabilitation: Form and Function in the Quest of an Inclusive Society’. Program Memperkasa Ekonomi dan EEPA adalah khusus untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan OKU serta sepadan dengan minat mereka bagi memastikan kelestarian pekerjaan.

3. Human Capital Building

Latihan untuk staf dan sukarelawan dari segi kemahiran dan meningkatkan pengetahuan yang penting dan bersesuaian dalam proses kerja BAKTI-MIND.

4. MIND End-User Workshop

Untuk menggalakkan penggunaan MIND bagi meningkatkan kualiti hidup OKU dan sebagai platform untuk mendapatkan sukarelawan baru. Kumpulan pengguna yang disasarkan ialah pelbagai peringkat staf pusat pemulihan dalam komuniti, klinik kesihatan, hospital, sekolah, ibubapa dan penjaga, pelajar dari pelbagai peringkat pendidikan; OKU dan sukarelawan di seluruh negara.

5. Penyelidikan dan Pembangunan

Untuk memastikan Projek BAKTI-MIND mampu diperkuatkannya mengikut aliran semasa, program penyelidikan dan pembangunan telah diperkenalkan. Projek penyelidikan yang pertama bertajuk ‘Sukan dan Rekreasi untuk OKU’ dan kajian kedua ialah ‘Kajian Kaedah Penilaian Peserta OKU dalam Projek-projek Economic Empowerment Programme (EEP)’. Penilaian EEP yang dihasilkan dari kajian ini digunakan untuk menilai pilihan dan kesediaan OKU untuk bekerja.

6. Tinjauan Persekutaran Binaan Bebas Halangan

Aktiviti ini meninjau tempat-tempat awam untuk menilai ciri alam persekitaran bebas halangan untuk OKU. Antara tempat yang telah ditinjau termasuk kemudahan awam, taman rekreasi, pawagam dan kawasan tarikan pelancong antaranya Eye on Malaysia, Bas Hop-on-Hop-off, Kompleks Sukan Bukit Jalil dan Golden Screen Cinema (GSC) di One Utama.

7. Mengambil bahagian dalam bengkel, persidangan, pameran, seminar di dalam dan luar negara.

Aktiviti ini bertujuan memberi pendedahan kepada orang awam mengenai Projek BAKTI-MIND secara am dan menggalakkan semangat sukarelawan.

BACAAN

Terjemahan

The 10th Biennial General Meeting of East Asia and Pacific Regional Council of Cheshire Homes (EAPacRC): Kota Kinabalu, Sabah, October 2010

Topik: Program Memperkasa Ekonomi di Malaysia: Usaha Ke Arah Perubahan
Z Omar, L Endot, K Suleiman
9 Oktober 2010

Program Memperkasakan ekonomi (atau dalam Bahasa Inggeris, Economic Empowerment Programme (EEP)) merupakan satu istilah baru di Malaysia walaupun titik permulaan penggunaannya telah berlaku lebih dua dekad. Kedua-dua pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan telah memulakan dan mengurus program yang berlandaskan aktiviti yang dapat menjana pendapatan melalui organisasi dan individu OKU. Namun maksud di sebaliknya lebih bertujuan menjalankan terapi yang mendapat bayaran.

Di sini ramai yang menangguk di air keruh. Bayaran yang diberi sungguh tidak memadai. Mereka diberi tugas yang orang lain tidak mahu lakukan. Justeru, Bengkel Terlidung dan rumah-rumah amal menjadi pusat penghambaan melainkan terapi yang dialami. Tugasan dianggap memenuhi masa penganjur-penganjur dan pusat-pusat aktiviti tersebut terus mengamalkannya sebagai satu rutin. Dengan amalan ini, OKU berterusan menerima gaji minima RM2.00 hingga RM5.00 sehari yang tentunya tidak dapat menampung kos perbelanjaan pengangkutan dan makanan. Keperluan ini tetap terpaksa ditanggung oleh ibubapa, penjaga atau bengkel itu sendiri melalui geran Kerajaan atau derma.

Konsep EEP meliputi kesedaran usaha merancang, melaksana dan memantau satu program latihan berstruktur untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran serta menyerap sikap yang positif

kepada OKU supaya mereka boleh mendapat pekerjaan dengan gaji yang sesuai. Ia boleh bermula dengan bengkel terlindung dan rumah-rumah amal tetapi perlu beralih kepada pekerjaan dalam pasaran terbuka.

EEP sepatutnya membolehkan OKU berdikari dari segi kewangan. Ini akan membolehkan mereka bebas dari bergantung kepada Kerajaan, keluarga dan masyarakat. Perkara ini jelas dalam Seksyen (4) Latihan dan Pekerjaan, termasuk bekerja sendiri, yang termaktub di dalam Biwako Millenium Framework (BMF) for Action towards an Inclusive, Barrier-free and Rights-based Society for PWD in Asia and the Pacific.

Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak asasi OKU (CRPD) pada Mei 2008 dan tandatangan raktifikasi oleh Kerajaan Malaysia ialah satu janji untuk mengenepikan pendekatan keperluan khas OKU kepada satu situasi inklusif yang membolehkan semua peluang diberi untuk latihan dan pekerjaan di pasaran terbuka sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Julat yang luas mengenai OKU termasuk mereka yang mempunyai masalah pembelajaran, mempunyai hak untuk mendapat faedah dari peruntukan dibawah CRPD di atas. Sehingga kini, mereka jarang sekali mendapat faedah inklusif kerana mereka selalunya dihalang dari menikmati pendidikan, sama ada akademik atau vokasional. Pengalaman di peringkat antarabangsa membuktikan sekiranya diberi latihan yang sesuai, bantuan mendapat kemahiran di tempat kerja dan peluang yang sesuai, mereka boleh menjadi pekerja yang tinggi nilainya.

Satu persidangan sub-regional yang dianjurkan oleh International Labour Organisation (ILO) dan dibiayai oleh Kerajaan Ireland, bertajuk "People with Intellectual Disabilities: Opening Pathways to Training and Employment in the African Region" membentangkan persoalan bagaimana peluang dan latihan dan pekerjaan boleh dibuka luas dengan berkesan kepada OKU bermasalah pembelajaran, melalui tindakan Kerajaan, majikan, Kesatuan Sekerja dan masyarakat bertamadun. Peserta membahaskan pencapaian dan kekurangan

dalam dasar, undang-undang, program, perkhidmatan dan keterangan perakuan dari individu OKU sendiri dalam usaha mereka mendapat akses kepada pembelajaran, latihan dan pekerjaan serta apakah maknanya pekerjaan tersebut kepada mereka.

Idea-idea untuk menambah baik kualiti hidup OKU di setiap lapisan masyarakat diteroka untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam masyarakat. "Lusaka Declaration" mencerminkan cadangan mereka sepenuhnya. Kertas kerja latar belakang "Promoting Training and Employment Opportunities for People with Intellectual Disabilities, International Experience" disediakan oleh Professor Trevor Parmenter, dari Centre for Disability Studies, University of Sydney, Australia.

Di Malaysia, pertama kali saya mengetahui EEP diamalkan adalah dari YBhg. Datin Paduka Khatijah Suleiman, seorang dermawan terkenal, yang menghambakan dirinya sepenuhnya untuk kebaikan OKU. Lebih dikenali sebagai Khaty, beliau merupakan Presiden Rumah Amal Cheshire Selangor (RACS), sebuah rumah amal yang dibuka untuk OKU pada tahun 1963. Mendapat inspirasi dari perkembangan yang berlaku di luar negara dan mendapat dorongan dari Leonard Cheshire Disability, London, beliau merancang dan melaksana latihan pertama bagi OKU bermasalah pembelajaran, dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Membuat Roti, Kraftangan, Hospitaliti dan Hortikultur. Beliau menerima masalah yang dihadapi sebagai cabaran, memohon dan memudahkan audit seterusnya membuat penambahbaikan struktur, penyampaian dan pemantauan program berdasarkan cadangan audit tersebut.

Pada masa yang sama saya telah dilantik sebagai Penasihat Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Semasa pelaksanaan tugas, saya dapat, sehingga Mei tahun ini, 38,454 OKU yang bekerja, diberi gaji RM300.00 sebualan sebagai insentif dan Kerajaan telah membelanjakan RM56.3 juta untuk tujuan ini. Ini bermakna walaupun ramai dari 290,000 OKU yang berdaftar sebenarnya bekerja, hakikatnya mereka masih memerlukan bantuan yang begitu banyak kerana mereka mempunyai pendapatan kurang dari RM1,200.00 sebulan. Mengapa ini berlaku?

Mungkinkah mereka masih bekerja di bengkel terlindung atau rumah-rumah amal atau mereka adalah kumpulan pekerja di pasaran terbuka yang mendapat gaji paling rendah kerana dengan tahap pengetahuan dan kemahiran yang terbatas, tidak melengkapinya keperluan jawatan tersebut dan seterusnya tidak berdaya mendapat gaji yang lebih tinggi.

Di Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Siti Hawa Abdullah, seorang pensyarah dari Pusat Pendidikan Khas, berpeluang bekerja dengan Professor Trevor Parmenter dalam satu projek perintis mengenai penilaian OKU semasa bekerja. Dengan semangat aktiviti EEP di RACS, dan dengan sokongan penuh YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, serta untuk menghadapi isu kebergantungan OKU walaupun yang telah bekerja, kami menganjurkan kursus "Empowering PWD Using Person-Centred Assessment Approach. Professor Trevor merupakan penceramah tunggal untuk membimbing 102 peserta dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, wakil organisasi Bukan Kerajaan dan beberapa orang individu dari Jabatan Kerajaan lain dan orang perseorangan.

Tunjang utama kursus adalah penilaian OKU yang bekerja berdasarkan pendekatan 'person-centred'. Ini adalah untuk memastikan bahawa selepas latihan, EEP boleh berjaya jika perancangan yang melibatkan pilihan sektor industri perihal pekerjaan dan persekitaran kerja berpusatkan OKU itu sendiri dan bukan untuk OKU. Kursus tersebut memberi peluang menilai OKU dalam EEP menggunakan kaedah yang piawai. Semua peserta diberi tanggungjawab meluaskan ilmu yang diberi kepada 2500 OKU yang pada ketika itu digaji dan situasi pekerjaan hendaklah disesuaikan supaya OKU yang bekerja boleh berganjak dari penerima gaji rendah dibawah paras gaji minimum kepada kedudukan kebebasan kewangan.

Matlamat terakhir EEP bukan setakat memastikan OKU mendapat pekerjaan tetapi kelestarian berada di pekerjaan yang bersaing di pasaran terbuka, produktif dan cekap sehingga boleh meningkat dalam kerjaya yang menjana kehidupan yang berdikari dari segi ekonomi dan sosial, sama seperti anggota lain dalam masyarakat.

Sebagaimana pelaksanaan mana-mana program, ia bermula dengan perancangan yang terperinci. Konsep seorang suami dengan empat isteri iaitu bagaimana (how), mengapa (why), apa (what), siapa (who) dan bila (when). Program yang berstruktur adalah wajib. Tajuk-tajuk hendaklah tepat, modul, kandungan, kaedah penyampaian, kelengkapan pembelajaran dan peralatan hendaklah lengkap. Bagi OKU bermasalah pembelajaran, alat bantuan pembelajaran seperti Sistem Komunikasi Augmentative dan Alternatif, perlu untuk memastikan literasi yang optimum, kompetensi dan pematuhan boleh dicapai. Apabila telah ditetapkan jenis latihan, guru dan peralatan, pelatih boleh dipilih. Tujuan pemilihan bukan untuk menolak permohonan tetapi untuk mengenalpasti penilaian termasuk dari segi kognitif, fungsi misalnya dengan menggunakan “International Clarification of Functioning Disability and Health (ICF) dan psikososial. Amalan terbaik memerlukan pasukan yang boleh melaksanakan penilaian ini terdiri dari pelbagai disiplin iaitu Jururawat, Jurupulih Carakerja, Jurupulih Anggota, ahli Psikologi Klinikal, Kaunselor, Guru Pendidikan Khas, dan jika ada, seorang Pakar Perubatan Pemulihan.

Puan Juairiah Johari dari Sekolah Menengah Bandar Sunway telah memulakan satu senarai semak yang memberi gambaran keseluruhan seorang OKU yang memasuki program EEP. Penilaian awal membantu semua pihak yang melatih dan dilatih untuk menggabungkan tahap ilmu, kemahiran, sikap, kecenderungan dan kemahiran hidup untuk memastikan kurangnya azab menerima perbezaan dalam mencapai cita-cita dengan hakikat kenyataan sebenar.

Mengajar OKU ilmu dan kemahiran, memerlukan kepada penggunaan alat bantuan mengajar termasuk yang berasaskan teknologi terkini yang telah terbukti di peringkat antarabangsa. Sistem Komunikasi Augmentatif dan Afternatif membenarkan guru, jurulatih dan penjaga untuk memahami OKU bermasalah pembelajaran, bermasalah komunikasi dan ketidakupayaan fizikal melalui kaedah penggunaan grafik, gambar dan symbol. Terdapat sekurang-kurangnya 11,000 simbol yang dinamakan dalam perisian Boardmaker, hasil gabungan serta hasil percantuman dan kacukan dengan simbol atau gambar atau grafik lain, menyediakan jumlah kata nama yang tidak terbatas.

Penyesuaian dengan budaya tempatan boleh dibuat dengan mudah apabila pengguna menggunakan kreativitinya. Satu perisian khas, Text-to-Speech telah dibangunkan oleh sepasukan tenaga kerja dari Syarikat Disability Solutions (M) Sdn Bhd diketuai oleh Mohd Fakhri Abu Bakar. Pembangunan ini telah meluaskan lagi penggunaan AAC yang boleh disesuaikan dari peringkat teknologi rendah hingga ke peringkat paling canggih seperti yang digunakan oleh Stephen Hawking.

Adalah baik bagi organisasi yang hendak memulakan EEP untuk meneliti apa kemudahan yang sedia ada, kemudahan mendapat pelatih terbaik dan yang paling penting peluang dan jenis pekerjaan yang wujud di kawasan perkampungan asal OKU atau di mana keluarga mereka berada. Walau bagaimanapun jenis latihan tertentu masih boleh diberi walaupun pada ketika itu pekerjaan itu belum lagi wujud tetapi masih dalam perancangan supaya peluang itu dapat diraih kelak. Pada masa ini, banyak pusat PDK dan hampir semua Badan Bukan Kerajaan yang terlibat dengan EEP menumpukan latihan yang hampir serupa iaitu membuat roti, dobi dan kraftangan. Dalam hal ini, kemungkinan besar kebebasan kewangan tidak boleh dicapai melainkan produk yang dihasilkan berkualiti tinggi dan dapat menarik minat pelanggan yang mampu membayar dengan harga yang lebih mahal.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memulakan satu program baru EEP di Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu (TSH-KT). Tempat ini mempunyai kemudahan asas dan telah pun menjalankan sewaan Dewan Serbaguna kepada pihak luar bagi kursus-kursus dan acara-acara. Oleh yang demikian, latihan bagi pengurusan acara telah dimulakan. Modul latihan dan pelatih di bahagi kepada aktiviti-aktiviti di bawah pengurusan acara seperti membersih, mengemas, menjahit, pengendalian pokok dalam pasu, landskap, memasak, katering dan menghidang, menghias tempat dan cenderahati dan penyediaan tempat.

Program dimulakan pada 3hb ini iaitu kurang dari 3 minggu lalu dan akan dijalankan selama 22 minggu dalam 4 fasa, 4 minggu bagi setiap

fasa. Kemahiran hidup adalah mata pelajaran yang dilaksanakan di mana penilaian ditetapkan secara harian, mingguan dan tiap 4 minggu. Guru-guru setempat telah dilatih dalam AAC dan “person-centred planning” yang boleh memberi faedah di peringkat akhir kursus. Tenaga-tenaga pakar (melainkan Guru Jahitan) juga mahir dalam penggunaan AAC. Ia memendekkan masa pembelajaran di dalam kelas dan memberi lebih masa untuk membina kemahiran.

Bagi TSH-KT, walaupun jika pemasaran terbuka tidak mendatangkan untung yang banyak, latihan ini masih ada relevannya apabila perlu mengurus penyewaan Dewan Serbaguna berserta khidmat pengurusan. Dalam keadaan yang mendesak, mereka masih boleh menjual perkhidmatan pelatih mereka di pasaran luar dan perlahan-lahan dapat menggerakkan pelatih berpindah ke rumah sewa secara berkumpulan menuju ke arah kebebasan ekonomi dan sosial.

EEP telah diuruskan dengan jayanya, seperti disebut sebelum ini, oleh Kathy di RACS. Pada ketika ini RACS sedang melatih kumpulan ke-7 yang terdiri daripada 20 pelatih, kumpulan terbesar setakat ini. Jumlah yang telah dilatih sebelum ini adalah 66 orang di mana 18 telah bekerja di pasaran terbuka, mendapat gaji antara RM300.00 – RM1,800.00 sebulan. Hanya 3 orang sedang bekerja di Bengkel Terlindung dan 9 orang bekerja di Projek Dobi. 32 orang pelatih yang telah lulus di pantau oleh seorang Job Coach. Selepas hujung minggu ini, 3 orang lagi akan mula bekerja di pasaran terbuka.

Seorang Job Coach menghadapi pelbagai cabaran dalam memastikan pelatih mendapat penempatan kerja yang benar-benar sepadan untuk jangka panjang. Disamping pemantauan berkala, Job Coach perlu menjalin hubungan yang rapat dengan majikan, penyelia dan rakan sekkerja pelatih yang dipantau. Interaksi awal dapat memastikan masalah dapat dielak dari berlarutan atau dihindarkan sama sekali. OKU digalakkan membina hubungan baik dengan majikan, penyelia dan rakan sekkerja. OKU dilatih untuk bebas bergerak menggunakan pengangkutan awam dan mereka juga digalakkan untuk tinggal di rumah sewa secara berkumpulan. RACS telah menunjukkan contoh yang baik, bagaimana sokongan moral dijana, bukan sahaja oleh Job

Coach , pengurusan keperluan asas dan kumpulan sokongan keluarga, namun juga dengan tertubuhnya kelab advokasi “The Young Voices”. Kumpulan sokongan sentiasa dipastikan bergerak untuk menyokong keperluan OKU tersebut.

Perkara yang paling mencabar bagi Job Coach adalah untuk memberi tumpuan perhatian kepada keperluan pelatih secara individu terutama dari segi keupayaan kognitif, perubahan faktor persekitaran dan reaksi OKU terhadap perubahan persekitaran yang sangat dinamik. Job Coach sentiasa perlu memberi keyakinan kepada majikan terutama yang tidak ada pengalaman menggaji OKU. Majikan yang mahu menggaji OKU kadangkala tidak dapat menawarkan peluang pekerjaan yang berhampiran dengan tempat tinggal OKU. Ini menimbulkan banyak masalah lain seperti masa, pengangkutan dan keselamatan diri OKU itu sendiri. Ada kalanya ibubapa sendiri tidak memberi sokongan dan memilih-milih pula pekerjaan untuk anak mereka. Campur tangan di tempat kerja pula kerap terpaksa dilaksana kerana keengganahan pekerja lain menerima OKU sebagai setanding dengan mereka.

Mengajikan seorang Job Coach yang kompeten, kreatif dan inovatif bukan pengakhiran tanggungjawab RACS. RACS tetap terpaksa bekerja keras mendapatkan dana tahunan untuk membolehkan mereka menanggung kos latihan yang semakin meningkat. Peningkatan kos barang dan perkhidmatan, serta nilai mata wang dan tenaga manusia, memaksa RACS menaikkan caj kepada pelatih. Dengan meningkatnya pelatih yang tamat latihan, meningkat pula keperluan untuk penempatan kerja yang sepadan. Majikan yang berpengalaman menggaji OKU biasanya mempunyai kekangan menggaji lebih dari beberapa orang OKU sahaja. Yang paling memburukkan keadaan adalah sikap ibubapa itu sendiri.

Walau bagaimanapun cabaran yang dihadapi oleh RACS, saya tidak mengetahui organisasi lain yang lebih berjaya melaksanakan program EEP ini.

RUJUKAN

1. Proposal to Prepare Documentation for Economic Empowerment Programme for The Disabled - Cheshire Home Selangor, Jan, 2009.
2. Proposal to Revamp Curriculum and Management of Training under 'Economic Empowerment Project' of Rumah Amal Cheshire Selangor, April 2009.
3. Kursus Memperkasakan Ekonomi Golongan OKU 1Malaysia Melalui Penilaian Berteraskan Insan, Julai, 2010.
4. Proposal Program Pemerkasaan Ekonomi OKU (EEP) di Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu, 2011.
5. Kertas pembentangan The 10th Biennial General Meeting of East Asia and Pacific Regional Council of Cheshire Homes (EAPacRC), 2010.

PENGHARGAAN

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Majlis Pemulihan Malaysia:
 - Baki Bantuan Khas Perbendaharaan Modul Penilaian Berteraskan Insan bagi Memperkasakan Ekonomi OKU Malaysia 2013.
 2. Datin Paduka Khadijah Suleiman, Rumah Amal Cheshire Selangor.
 3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
 4. Bahagian Teknologi Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA).
 5. Projek BAKTI-MIND.
- 5.1. Kajian Mengenai Kaedah dan Penggunaan Penilaian dalam “Economic Empowerment Programme” Organisasi Kerajaan dan Bukan Kerajaan.
- Bengkel 1, 13-15 September 2011 di Bangunan BAKTI Siti Hasmah, Kuala Lumpur.
 - Bengkel 2 pada 28-30 September 2011 di Bangunan BAKTI Siti Hasmah, Kuala Lumpur.
 - MIND Education Series XVII EEPA Zon Sarawak, 5-7 Jun 2013.
 - MIND Education Series XIX EEPA Zon Utara, 17-20 Ogos 2013.
 - MIND Education Series XXEEPAZonTimur, 7-10 September 2013.
 - MIND Education Series XXI EEPA Zon Tengah, 26-28 Oktober 2013.
 - MIND Education Series XXII EEPA Zon Sabah, 18-20 November 2013.
- 5.2. Bengkel-bengkel Kerja Projek BAKTI-MIND 2013, 2014.
- Bengkel Kerja 1, 24 April— 12 Mei 2013.
 - Bengkel Kerja 2, 1-6 Disember 2013.
 - Bengkel Kerja 3, 13-20 Disember 2013.
 - Bengkel Kerja 4, Januari—Mac 2014.
 - Follow-up MIND Education Series XXII Zon Sabah & Review EEPA, 26-30 September 2014.

- Follow-up MIND Education Series XVII Zon Sarawak & Review EEPA, 20-21 Oktober 2014.
 - Follow-up MIND Education Series XVII Zon Timur, 20-15 September 2015.
 - Follow-up MIND Education Series XVII Zon Tengah, 15-16 Disember 2015.
6. Albukhary University Empowerment Programme for Exceptional Population:
- Writing Workshop Series I, 24 April - 12 May 2013. Pensyarah, jurutunjuk dan pelajar AiU iaitu Shokhzod Muminov (Uzbekistan), Laziz Zokirjonov (Uzbekistan), Musoke Sadala Shafick (Uganda), Bakali Masudi (Uganda), Nawani Janat (Uganda), Sobithon Azamov (Uzbekistan), Qudratillo Usmonov (Uzbekistan), Kamoliddin Fayzullaev (Uzbekistan) yang terlibat dalam bengkel di atas.
7. Professor Emeritus Trevor Parmenter, Centre of Disability Studies(CDS), University of Sydney, Australia.

Trevor holds, concurrently, appointments as Emeritus Professor in the School of Medicine at the University of Sydney, Honorary Professor in the Faculty of Education and Social Work, Honorary Professor in the Faculty of Health Science at the University of Sydney and Adjunct Professor in the School of Rural Medicine at the University of New England.

Former appointments include Foundation Chair of Developmental Disability and Director of the Centre for Development Disability Studies at the University of Sydney (1997-2009).

For more than 20 years before accepting the directorship of the CDDS in 1997, Trevor had been Professional Fellow in the School of Education Macquarie University and Director of the Unit for Community Integration Studies.

Former international appointments include Adjunct Research Associate to the Beach Center on Families and Disability at The University of Kansas and Visiting Lecturer at Lancaster University, UK. He was the President of the International Association for the

Scientific Study of Intellectual Disabilities from 1996-2000. His curriculum vitae includes teaching and administrative positions with the NSW Department of Education (1953-1973), and his areas of research expertise include: behavioral and emotional problems of people with disabilities; quality-of-life assessment; program evaluation; community living and employment for people with disabilities; assessing cognitive processes; brain injury; family studies; transition from school to further study, work and adult living; attitude studies and disability policy development.

Trevor is a Member of the Order of Australia; Fellow and Life Member of the Australian College of Educators; Fellow of the American Association on Intellectual and Developmental Disabilities; Fellow of the International Association for the Scientific Study on Intellectual Disabilities; and Fellow of the Australasian Society for the Study of Intellectual Disability.

He is noted for his ability to translate research outcomes into practice by the setting up model programs. Throughout his career he has maintained close contacts with people with disabilities, serving on several boards of service organizations, and serving on Disability Council of New South Wales.

Professor Trevor telah memberi kebenaran kepada Projek BAKTI-MIND menggunakan hasil kajian-kajian beliau untuk dijadikan asas membina EEPA.

8. Hajjah Juairiah Johari, Puan Lee Airene, Cik Denise Khoo, Cik Smita Krishnan dan Puan Siti Kulthum Abdul Khalid.

Penulis:

Diketuai oleh: Dato' Dr Zaliha Omar
Ahli Pasukan: Datin Latiffah Endot, Puan Kamariah Mohd Amin,
Cik Mahera Hidayati Wan Bukhari, Puan Elsri Fublirita Syahrial dan
Puan Nur Liyana Jamilah Roslan

di bawah Projek BAKTI-MIND.

JAWATANKUASA PROJEK BAKTI-MIND

Penasihat

YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali

Pengerusi

YABhg. Toh Puan Dato' Seri Dr. Aishah Ong

Setiausaha Kehormat

YBhg. Datuk Noorhayati Kamaluddin

Bendahari Kehormat

YBhg. Puan Sri Wendy Ong

Perunding & Ketua Projek

YBhg. Dato' Dr. Zaliha Omar

